

# Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "Berita PESUTM". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. Berita PESUTM ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturut dalam bulan/tahun. Selain itu, terbitan Berita PESUTM ini hanya dalam bentuk digital.



Kali ini biro Kebajikan & Sosial yang diketuai Setiausaha PESUTM Saudara Roslan Abdul Ghani bersama seramai 15 ahli persatuan melakukan kunjungan santai di dua tempat penting daripada segi pertumbuhan ekonomi dan aspek sejarah Negeri Johor. Dua tempat dimaksudkan ialah NICTAR Pineapple Park dan Muzium Bugis.

## AHLI JAWATANKUASA & BIRO PERSATUAN PESARA UTM 2023-2025

### YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus

### TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad

### SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani

### PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek

### BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun

### PENOLONG BENDAHARI

Dr. Hafizah Harun

### BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan | Ketua

Haji Bakri Mohd Dahlan

Cik Siti Zaiton Borham

### BIRO EKONOMI

Puan Kasuma Masjuriah B. Basar | Ketua

Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris

En. Muhamad Saad Sulaiman

Puan Faridah Hussein

En. Abdul Hadi Othman

En. Othman Adon

### BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

Haji Dahari Derani | Ketua

Haji Zainal Abidin Hassan

Puan Abrizah Abd. Rahim

Puan Ramlah Husin

En. Abdul Wahab Laberahimah

En. Razali Jantan

### BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismaal Samat | Ketua

Haji Zainul Rashid Abu Bakar

Haji Md Noh Main

En. Mohd Sofian Mohd Amran

Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

SKUDAI | 7 Oktober 2023

## PROGRAM SEHARI PESARA: NICTAR PINEAPPLE PARK & MUZIUM BUGIS

Biro Kebajikan & Sosial Persatuan Pesara UTM (PESUTM) kini rancak merencanakan program yang selari dengan peranan yang diamanahkan. Program kali ini berupa kunjungan santai di dua tempat penting daripada segi peranannya dalam pertumbuhan ekonomi dan satu lagi dalam aspek memperkayakan korpus sejarah Negeri Johor. Dua tempat dimaksudkan ialah NICTAR Pineapple Park dan Muzium Bugis. Program ini dijayakan pada 7 Oktober 2023 dengan diketuai Setiausaha PESUTM, saudara Roslan Abdul Ghani bersama seramai 15 ahli persatuan.

### NICTAR Pineapple Park

Terletak di satu kawasan tanah seluas kira-kira 6.83 hektar di KM 24, Pekan Nanas, Pontian. Daripada anak pokok Nanas sehingga menghasilkan buah serta dijadikan bukan sahaja dimakan secara mentah malah menjadi satu penghasilan produk yang dikomersialkan. Menurut Pengurusnya, Lim Yong Wah, pihaknya mengujudkan sebuah Laman Nanas yang memaparkan pelbagai aktiviti berkaitan tanaman tersebut, termasuk penanaman 12 varieti Nanas, demonstrasi penanaman pokok Nanas, pameran mengenai buah Nanas, jualan produk seperti Jus Nanas, Jem, paceri Nanas, Nanas kering dan kulit tart Nanas. Pelawat boleh mengunjungi Laman Nanas ini setiap hari secara percuma. Selain pusat kunjungan, Nictar juga memberikan pendidikan kepada pengunjung atau pelajar sekolah mengenali dengan lebih dekat cara penanaman pokok Nanas. Berita PESUTM juga difahamkan bahawa bangunan yang dibina di laman ini banyak menggunakan barang kitar semula dengan mengujudkan suasana 'perkampungan' serta menghidupkan nostalgia pada masa dulu. Nictar Pineapple Park ini menjadi salah satu lokasi Pelancungan bagi Daerah Pontian.









## Muzium Bugis

Kedatangan ahli Biro Kebajikan & Sosial PESUTM dan pesara UTM disambut mesra oleh Indera Kesumawati Abdullah, beliau merupakan waris generasi ke-4, meluangkan masa memberi penerangan tentang bahan yang dipamerkan di Muzium Bugis ini.

Terletak di Taman Rekreasi Sungai Rambah, Pontian, Johor, muzium ini sering menjadi tumpuan pengunjung setiap hujung minggu atau cuti am. Berada kira-kira 10 kilometer dari Bandar Pontian itu, sangat menarik untuk dikunjungi kerana berhadapan dengan laut Selat Melaka. Sangat sesuai untuk berekreasi seisi keluarga.

Muzium Bugis telah ditubuhkan pada tahun 1982, oleh Tok Dollah atas minat beliau yang mendalam serta azam mahukan generasi akan datang mengetahui sejarah asal-usul serta adat resam warisan bangsa Bugis masa lampau.

Mula hanya dikenali sebagai warisan Bugis, namun pada Tahun 1994, impian Tok Dollah menjadi kenyataan berikutan pengiktirafan oleh Yayasan Warisan Johor, dengan terdirinya sebuah Muzium Bugis pertama di Malaysia.

Di sini terhimpun lebih 2,000 artifak termasuk koleksi senjata, pakaian, barang tembaga, duit lama, perhiasan dan alatan harian serta gambar-gambar lama yang menyimpan pelbagai kisah bersejarah.

Ketika memasuki dewan pameran dinding-dinding muzium dipenuhi dengan gambar-gambar tokoh-tokoh terdahulu dalam kalangan raja-raja, pemimpin dan pembesar. Selain bahan-bahan berkaitan dengan etnik Bugis, turut menjadi koleksi di muzium ini adalah artikel yang berkaitan dengan peristiwa sejarah Negeri Johor, kisah bintang filem dan peristiwa-peristiwa utama di Tanah Melayu dan Singapura. Antara koleksi berharga yang terdapat di sini adalah al-Quran tulisan tangan atas kulit kambing yang dihasilkan pada Tahun 1311. Himpunan duit siling lama, senjata kecil, matanya di buat daripada gading atau tanduk haiwan Selain itu, koleksi pinggan mangkuk lama yang diperbuat daripada kaca dan porcelin. Periuk tanah dan mangkuk tembikar, suku garfu dan senduk yang diperbuat daripada tembaga.

Muzium ini dibuka setiap hari kepada pengunjung dari jam 10 pagi hingga 6 petang. Muzium yang diurus dan dikawal selia oleh keluarga arwah Haji Abdullah Ahmad, tidak dikenakan bayaran, namun jika pelawat ingin memberi sumbangan amat dialu-alukan sebagai sokongan dan dana untuk membiayai kelangsungan Muzium berkenaan.





## HARAH KEDATANGAN BUGIS TANAH MELAYU

Kedatangan orang Bugis ke Tanah Melayu telah berlaku kurang-kurangnya sejak zaman kesultanan Melayu laka sejak abad ke-17 sudah terdapat pemukiman Bugis di Semenanjung Tanah Melayu, namun datangan mereka dalam jumlah yang besar berlaku pada kolonial Inggeris khususnya suku akhir abad ke-19. Majoriti masyarakat Bugis bermastautin di Johor dan Selangor.

Telah "somper" (belayar), mengembara, berdagang dan merantau merupakan suatu tradisi utuh dalam kehidupan mereka. Sebagai suku bangsa yang terkenal dalam aktiviti belayaran, pelaut Bugis telah mengembangkan suatu kebudayaan maritim sejak beberapa abad yang lalu. Perahu-perahu mereka dari jenis phinisi dan lambo telah mengharungi perairan Nusantara untuk berdagang dan merantau.

Kedatangan peneroka-peneroka Bugis ke Johor semakin meningkat menjelang akhir kurun ke-19, disebabkan peranan penting yang dimainkan oleh nakhoda-nakhoda Singapura dan di Kepulauan Riau. Sebagai pedagang hasil tanah dan hasil tanaman pasarannya, mereka memang lebih menguntungkan. Perantau-perantau Bugis ke Johor akhirnya menjaya di negeri Johor.



## AL-QURAN TULISAN TANGAN

QURAN INI ADALAH HASIL TULISAN TANGAN  
YANG DITULIS PADA KULIT KAMBING OLEH  
RAJAHUSEIN DARI PONTIANAK PADA TAHUN 1311

لِرَبِّ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا كَفَرُوا سَوْلَاتٍ عَلَيْهِمْ وَإِذَا لَمْ يَعْلِمْ  
يَا لَمْ يَعْلِمْ بِمَا نَعْلَمْ فَلَا يُعَذِّبُنَّ اللَّهُمَّ إِنَّمَا أَنْتَ مَنْ تَعْلَمُ وَمَا لَنْتَ  
تَعْلَمُ فَأَنْتَ أَكْبَرُ حَدَّ الْعِلْمِ فَلَا يَعْلَمُ حَدَّ الْعِلْمِ دُرْجَاتٍ فَلَا يَعْلَمُهُمْ وَمَنْ قَرَأَ فَلَزِّلَ  
لَمْ يَرْجِعْ كَمَا ارْجَعَ رَجُلٌ مُبْيَسٌ بِالْقِرْبَى وَلَمْ يَرْجِعْ مِنَ الْمَوْمِنِ كَمَا هُوَ  
يَعْدُ لَوْنَاتٍ فَلَمْ يَقْبِلْ بِعَدَمِ الْمَيِّنَاتِ كَمَا لَمْ يَقْبِلْ إِلَيْهِ الْمُوْتُ وَلَمْ يَرْتَفِعْ وَلَمْ  
يَمْكُرْ كَمَا يَمْكُرْ إِذْ سَقَنَتْهُ الْمَهَمَّةُ وَلَمْ يَقْبِلْ إِلَيْهِ التَّوْلِيمُ كَمَا يَكْوُنُ  
وَلَمْ يَرْجِعْ إِذَا دَعَاهُ الْحَقُوقُ فَلَمْ يَقْبِلْ إِلَيْهِ التَّوْلِيمُ كَمَا يَكْوُنُ  
الْبَدَلًا وَلَمْ يَرْجِعْ لِمَنْ حَسِنَ مِنْهُ إِذَا سَقَنَتْهُ الْمَهَمَّةُ فَلَمْ يَسْتَجِعْ بِلَهِ  
لَمْ يَكُنْ بِهِ مَا لَقِيَ مِنَ الْمُلْكَلِمِ مِنْ قِرْبَى وَمَا يَعْدُ إِلَيْهِ لَا يَقْبِلُ

أَتَوْيَدَ اللَّهُ لِلَّهِ مِنَ الْكِبَرِ وَهُوَ مَوْكِدٌ لِتَابِعِينَ فَمَنْ يَدْعُ لَكَ فَلَمْ يَجِدْ  
دُقُّونًا لِسَخْنِكَ وَمَنْ يَدْعُ لَكَ فَلَمْ يَجِدْ لِفَتْنَكَ مُوَجَّهًا لِلْمُهَاجِرِينَ  
وَمَنْ يَدْعُ لَكَ فَلَمْ يَجِدْ لِكَلْمَكَ لِيَعْرِفَ بِكَ وَمَنْ يَدْعُ لَكَ فَلَمْ يَجِدْ لِكَلْمَكَ لِيَعْرِفَ  
لِكَلْمَكَ بِكَارِيَّكَ لِكَلْمَكَ فَكَذَّبَكَ مِنْكَ وَمَنْ يَدْعُ لَكَ فَلَمْ يَجِدْ لِكَلْمَكَ  
سِعْيَكَ لِلْمَلَائِكَةِ لِلْمَلَائِكَةِ فَكَذَّبَكَ مِنْكَ وَمَنْ يَدْعُ لَكَ فَلَمْ يَجِدْ لِكَلْمَكَ  
سِعْيَكَ لِلْمَلَائِكَةِ لِلْمَلَائِكَةِ فَكَذَّبَكَ مِنْكَ وَمَنْ يَدْعُ لَكَ فَلَمْ يَجِدْ لِكَلْمَكَ  
سِعْيَكَ لِلْمَلَائِكَةِ لِلْمَلَائِكَةِ فَكَذَّبَكَ مِنْكَ وَمَنْ يَدْعُ لَكَ فَلَمْ يَجِدْ لِكَلْمَكَ

